
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SPU315 – Pengurusan Sektor Awam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan daripada ENAM (6) soalan di bawah. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Bincangkan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan penkontrakan luar. Apakah prasyarat-prasyarat yang perlu wujud yang akan mempengaruhi kejayaan (ataupun kegagalan) sesuatu perkhidmatan/barangan yang dikontrakan ke luar?
2. Banding dan bincangkan ciri-ciri pengurusan sektor awam secara tradisional dengan pendekatan baru pengurusan sektor awam (NPM). Adakah kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti di bawah pengurusan sektor awam secara tradisional ditangani oleh NPM? Adakah kebaikan-kebaikan (kekuatan-kekuatan) di bawah pengurusan sektor awam secara tradisional dikekalkan oleh NPM?
3. Kenapakah penilaian dasar-dasar awam, organisasi serta program itu penting? Bincangkan apa yang akan berlaku jika proses penilaian yang betul tidak dijalankan?
4. Bincangkan nilai (values) yang diketengahkan oleh kod etika di dalam pendekatan baru pengurusan sektor awam (NPM). Adakah kod etika ini dapat menyeimbangkan nilai-nilai keberkesanan (efficiency), demokrasi dan kewarganegaraan serta hak-hak pelanggan dengan saksama?

5. Apakah fungsi-fungsi pengurusan pengaturan di bawah NPM? Sejauh manakah keberkesanan pengurusan pengaturan dapat menangani kelemahan-kelemahan pentadbiran kerajaan?

6. Bincangkan pro dan kontra sistem insentif dalam menentukan keberkesanan sektor awam. Sejauh manakah model insentif sektor swasta dapat diaplikasikan di dalam sektor awam?

- 000 0 000 -